

14 SEP 2002

Sukan-Sukma (Atlet)/I

SHU MUN, SIN MEI DIPILIH OLAHRAGAWAN, OLAHRAGAWATI TERBAIK

KOTA KINABALU, 14 Sept (Bernama) -- Peserta gimnastik Ng Shu Mun dari Perak dan peserta lompat jauh Ngew Sin Mei dari Kuala Lumpur masing-masing dipilih olahragawan dan olahragawati terbaik Sukan Malaysia (Sukma) Kesembilan yang berakhir di Stadium Likas di sini, malam ini.

Shu Mun, 16, adik pemenang pingat perak Sukan Komanwel Ng Shu Wai, memungut tiga pingat emas dan dua perak dalam acara gimnastik artistik.

Beliau meraih pingat emas bagi acara senam lantai, palang melintang dan palang sejajar serta dua pingat perak bagi acara perseorangan keseluruhan dan kekuda pelana.

Sin Mei, 19, pula memecahkan dua rekod kebangsaan serta rekod Sukma dan sekali gus memenangi pingat emas bagi acara lompat kijang dan lompat jauh.

Beliau memperbaharui rekod kebangsaan 12.81m sebelum ini dengan 12.86m bagi acara lompat kijang pada 9 Sept iaitu hari pertama acara olahraga dipertandingkan.

Pada keesokan harinya, Sin Mei memecahkan rekod kebangsaan acara lompat jauh 6.14m berusia sembilan tahun yang dicatatkan oleh Noraishah Ismail di Kuala Lumpur dengan jarak baru 6.20m.

Atlet paling berbakat, anugerah baru yang diperkenalkan oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein, dimenangi ratu pecut baru, Petra Nabila Mustafa dari Negeri Sembilan.

Petra Nabila, 16, penuntut Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, menarik tumpuan ramai dalam acara olahraga dengan mencatat dua kemenangan iaitu dalam acara 100m dan 200m serta mencipta rekod baru bagi acara 200m dengan masa 24.37 saat.

Sekalipun memenangi acara 100m dengan masa 11.60s, namun atlet ini tidak diiktiraf mencatat rekod baru disebabkan kesilapan teknikal kerana sistem pencatat masa elektronik tidak berfungsi sebelum perlumbaan berkenaan bermula.

Gelaran juara keseluruhan dimenangi oleh Selangor yang berjaya mengekalkan kedudukannya untuk kali keempat bertrurut-turut dan kelima dalam sejarah sukan ini. Selangor memperoleh 655 mata melalui pungutan 55 pingat emas, 40 perak dan 60 gangsa.

Semua pemenang menerima hadiah masing-masing daripada Hishammuddin, yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

HRS SP NAK